

Banjir kilat 20 kali tempoh dua tahun

Penduduk sekitar Perumahan Bukit Rimau kesal parit tidak diselenggara

Oleh Hamid Karim
bhnews@bharian.com.my

SHAH ALAM: Banjir kilat setiap kali selepas hujan lebat, mencetuskan kemarahan penduduk di sekitar Taman Perumahan Bukit Rimau, Seksyen 30 dan Seksyen 32, di sini, kerana mendakwa musibah berlaku disebabkan sistem perparitan tidak diselenggara.

Mereka menggesa pihak bertanggungjawab terutama pentadbiran kerajaan negeri memandang serius masalah itu yang dihadapi mereka sejak sekian lama dan tidak lagi berleghang untuk mengatasinya.

Dalam kejadian terbaru pagi kelmarin, beberapa kawasan digenangi air termasuk sebuah stesen pencawang elektrik dimasuki air, be-

berapa jalan tidak dapat dilalui kenderaan ringan, manakala padang permainan di Seksyen 32, tenggelam sepenuhnya.

Kejadian itu didakwa penduduk berlaku lebih 20 kali sejak dua tahun lalu tetapi apa yang menghairankan mereka, tiada sebarang tindakan diambil sehingga kini.

Penduduk Taman Perumahan Bukit Rimau, Wong Teck Man, 46, berkata hampir semua parit di sekitar kawasan dilanda banjir kilat kini dipenuhi semak dan jarang diselenggara menyebabkan aliran air ketika hujan lebat sering tersekat.

Katanya, penduduk yang sekian lama terkepung banjir kilat dihanjui kebimbangan untuk ke tempat kerja, terutama mengenangkan keselamatan anak dan barangan rumah jika air memasuki kediaman.



PENCAWANG elektrik di Seksyen 32, turut digenangi banjir kilat, kelmarin.

“Kami bukan bimbang banjir atau air masuk rumah saja, tetapi setiap kali banjir, kami akan berdepan masalah ‘jerangkap samar’ iaitu jalan berlubang tidak kelihatan apabila ditakungi air dan ini boleh merosakkan kenderaan,” katanya.

Siti Aisyah Abdullah, 49, yang tinggal di Seksyen 30, pula mendakwa setiap kali hujan lebat, air akan memasuki sebahagian rumahnya terutama di bahagian belakang kerana longkang dan parit yang di-

bina tidak mampu menampung aliran air terlalu banyak.

“Setiap kali hujan lebat, saya sekeluarga terpaksa membersihkan rumah kerana dimasuki air. Banjir kilat ini bukan kali pertama tetapi boleh dikatakan berlaku setiap kali hujan lebat,” katanya.

Peniaga, Rosdiah Abdul Jalil, 40, pula tidak mempunyai pilihan terpaksa berdiri dalam air untuk melayan pelanggan setiap kali selepas hujan lebat kerana lokasi gerainya terletak di kawasan rendah dan se-

ring menjadi tumpuan air bertakung.

Katanya, parit berdekatan juga sentiasa dipenuhi air setiap kali hujan menyebabkan limpahannya memasuki kawasan gerai tempat beliau berniaga.

Tinjauan *Sentral* mendapati kawasan paling teruk terjejas membabitkan padang permainan awam di Seksyen 32 yang keseluruhannya ditenggelami air selepas hujan lebih tiga jam, bermula awal pagi kelmarin.